

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

HGM 434 Geografi Pengangkutan

Masa: [3 jam]

---


KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

1. (a) Huraikan rangka kerja konsep kemanusiaan geografi pengangkutan. (10 markah)
- (b) Jelaskan bagaimana rangka kerja konsep ini sesuai untuk memahami geografi pengangkutan bandar di Malaysia. (15 markah)
2. Terangkan bagaimana struktur ruangan kos pengangkutan mempengaruhi lokasi kegiatan ekonomi. Buktikan dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)
3. Merujuk kepada Jadual 1 (dilampirkan), jawab soalan-soalan yang berikut:
  - (a) Kira matriks penyelesaian. (5 markah)
  - (b) Kira darjah ketersampaian Shimbel (matriks D) bagi tiap satu nod. (8 markah)
  - (c) Jelaskan bagaimana indeks-indeks ketersampaian (matriks-matriks C, D, T dan L) boleh digunakan dalam kajian-kajian pengangkutan. (12 markah)

4. Merujuk kepada satu [1] mod pengangkutan, jelaskan bagaimana perkembangannya sejak Perang Dunia Kedua dipengaruhi oleh faktor-faktor tenaga, teknologi dan alam sekitar. (25 markah)
5. Merujuk kepada model Janelle dan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan impak ruangan projek-projek pengangkutan di skala setempat, bandar dan wilayah. (25 markah)
6. (a) Bezakan model-model analitik dengan model-model normatif aliran pengangkutan. (8 markah)  
(b) Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, terangkan kegunaan model graviti dalam kajian pengangkutan. (9 markah)  
(c) Apakah kelemahan-kelemahan model graviti dalam kajian-kajian aliran pengangkutan? (8 markah)
7. Tersirat di dalam soal teknologi ialah soal organisasi. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada pengangkutan bandar di negara-negara ASEAN. (25 markah)

JADUAL 1



	$v_1$	$v_2$	$v_3$	$v_4$	$v_5$	$v_6$
$v_1$	0	1	0	0	0	0
$v_2$	1	0	1	0	0	0
$v_3$	0	1	0	1	1	0
$v_4$	0	0	1	0	0	0
$v_5$	0	0	1	0	0	1
$v_6$	0	0	0	0	1	0

	$v_1$	$v_2$	$v_3$	$v_4$	$v_5$	$v_6$
$v_1$	1	0	1	0	0	0
$v_2$	0	2	0	1	1	0
$v_3$	1	0	3	0	0	1
$v_4$	0	1	0	1	1	0
$v_5$	0	1	0	1	2	0
$v_6$	0	0	1	0	0	1

	$v_1$	$v_2$	$v_3$	$v_4$	$v_5$	$v_6$
$v_1$	0	2	0	1	1	0
$v_2$	2	0	4	0	0	1
$v_3$	0	4	0	3	4	0
$v_4$	1	0	3	0	0	1
$v_5$	1	0	4	0	0	2
$v_6$	0	1	0	1	2	0

	$v_1$	$v_2$	$v_3$	$v_4$	$v_5$	$v_6$
$v_1$	2	0	4	0	0	1
$v_2$	0	6	0	4	5	0
$v_3$	4	0	11	0	0	4
$v_4$	0	4	0	3	4	0
$v_5$	0	5	0	4	6	0
$v_6$	1	0	4	0	0	2